

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah meninggal akibat strok haba dan apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah ini sekiranya keadaan cuaca panas ini berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua,

Fenomena El Nino boleh memberi kesan kepada orang awam seperti kesan cuaca panas dan kering, jerebu akibat pembakaran terbuka atau hutan, krisis bekalan air, dan penularan penyakit bawaan vektor, air dan makanan. Pendedahan kepada cuaca panas boleh memberi kesan berbagai kepada kesihatan manusia dari sederhana kepada teruk seperti strok haba yang boleh menyebabkan kematian.

Sehingga 4 Mei 2016 terdapat sebanyak 212 kes berkaitan cuaca panas telah dilaporkan mendapat rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan iaitu 52 kes kejang haba (24.5%), 136 kes kelesuan haba (64.2%) dan 24 kes strok haba (11.3%). Jumlah ini termasuk dua (2) kematian yang dilaporkan akibat strok haba di mana kematian pertama dilaporkan di Segamat, Johor dan kedua dilaporkan di Jitra, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa cuaca panas badan kita memerlukan sejumlah air yang banyak bagi mengekalkan suhu badan normal melalui proses penyejatan peluh. Perpeluhan yang banyak akan menyebabkan badan kehilangan air dan elektrolit menyebabkan berlakunya heat cramp dan kelesuan haba. Jika air yang hilang tidak diganti secukupnya, suhu badan akan meningkat ke tahap yang sangat tinggi menyebabkan berlakunya strok haba.

Apabila aktiviti fizikal dilakukan, peningkatan kadar metabolisme badan akan menghasilkan sejumlah haba yang tinggi. Haba yang berlebihan ini perlu disingkirkan dari badan dengan berkesan melalui proses perpeluhan. Disamping itu cuaca panas akan merencat pengaliran haba keluar dari badan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan nasihat kepada orang ramai melalui pelbagai cara agar terus mengambil langkah-langkah penjagaan kesihatan sehinggalah musim panas tamat. Nasihat kesihatan kepada orang ramai adalah seperti berikut:

- i. Menangguhkan atau menghadkan aktiviti lasak seperti berkayak, berbasikal, marathon, memanjat gunung dan lain-lain aktiviti semasa berlakunya gelombang haba ini sehinggalah keadaan kembali reda;
- ii. Sebolehnya elakkan dari berada di luar rumah atau bangunan dan pastikan rumah atau bangunan mempunyai pengudaraan yang mencukupi;
- iii. Sekiranya aktiviti luar ini tidak dapat dielakkan, dinasihatkan agar memendekkan tempoh aktiviti tersebut ataupun berehat pada tempoh yang panjang dan mengambil minuman yang banyak pada setiap kali waktu rehat tersebut;

- iv. Minum air secukupnya dan minumlah air yang telah dimasak bagi memastikan cecair dalam tubuh adalah mencukupi;
- v. Pakai pakaian yang ringan, cerah dan elakkan pakaian berwarna gelap, tebal dan ketat;
- vi. Pakailah topi atau payung yang boleh melindungi diri daripada terlalu terdedah dengan cuaca panas apabila berada di luar rumah atau bangunan;
- vii. Tidak duduk di dalam kenderaan yang bertutup tanpa pendingin hawa; dan
- viii. Ketahui tanda-tanda awal kelesuan haba, strok haba dan segera berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain dari nasihat kepada orang ramai, KKM telah merangka tindakan yang perlu dilaksanakan di setiap peringkat pelaksanaan seperti berikut bagi memastikan perkhidmatan tidak terjejas di samping mengelakkan kejadian wabak penyakit;

- i. Memastikan bekalan air di hospital mencukupi selama dua (2) minggu secara berterusan bagi menjamin kefungasian perkhidmatan yang bergantung kepada bekalan air bersih;
- ii. Membuat pemantauan dan penilaian bekalan air bukit (Gravity Feed System – GFS) di negeri masing-masing secara berterusan bagi mengesan kekeringan sumber dan menguruskan bantuan bekalan air bersih dari pihak yang berwajib;
- iii. Memperkukuhkan surveilans penyakit termasuk kejadian penyakit yang sensitif kepada perubahan cuaca seperti penyakit berkaitan jerebu [Jangkitan saluran atas pernafasan (Upper Respiratory Tract Infection), asma dan konjunktivitis], penyakit bawaan vektor (malaria, denggi dan leptospirosis), penyakit bawaan makanan dan air (keracunan makanan, tifoid dan taun) serta penyakit berkaitan cuaca panas seperti strok haba;

- iv. Mempergiatkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada orang ramai terutamanya golongan berisiko tinggi di peringkat negeri dan daerah bagi menghadapi penyakit atau kesan kesihatan akibat El Nino. Langkah-langkah menangani kesan kesihatan akibat El Nino boleh diperolehi menerusi laman sesawang KKM; dan
- v. Memastikan anggota KKM, ubat-ubatan dan peralatan di hospital dan klinik Kesihatan sentiasa mencukupi supaya rawatan yang sempurna dapat diberikan kepada pesakit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN
ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]**

SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kajian telah dibuat untuk "optimisation of civil servants" kerana kadar penjawat awam kepada jumlah penduduk adalah tinggi. Dengan kedudukan optimum, ia juga akan membolehkan struktur gaji dikaji semula. Nyatakan sama ada Kerajaan bersedia menimbang kaedah memberi imbuhan khusus (seperti pernah diberikan COLA) bagi kakitangan Kerajaan apabila menghadapi situasi seperti kenaikan harga barangan asas mendadak seperti dialami sekarang.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2010 hingga 2015, peratus peningkatan jumlah penjawat awam adalah sebanyak 12% berbanding dengan peratus peningkatan jumlah penduduk sebanyak 7.18%. Nisbah jumlah penjawat awam berbanding jumlah penduduk pada tahun 2010 adalah sebanyak 1:20 dan bagi tahun 2015 adalah sebanyak 1:19. Jadual jumlah penjawat awam dan jumlah penduduk pada tahun 2010 dan 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penjawat Awam	Jumlah Penduduk
2010	1.42 juta	28.44 juta
2015	1.59 juta	30.48 juta

Peningkatan jumlah penjawat awam bagi tahun 2010 hingga 2015 berlaku disebabkan keperluan untuk mengisi perjawatan baharu yang diwujudkan dalam sektor yang kritikal iaitu di sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan selari dengan jumlah pertambahan penduduk bagi memastikan proses penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dapat terus dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

SULIT

Melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11, sasaran nisbah saiz Perkhidmatan Awam kepada penduduk yang ditetapkan adalah 1:20 pada tahun 2020. Bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai, pihak Kerajaan melalui pelaksanaan Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum pada April 2015 telah menetapkan jumlah penjawat awam tidak melebihi daripada jumlah 1.61 juta. Langkah kawalan saiz Perkhidmatan Awam ini bukan pertama kali dilaksanakan kerana telah dilaksanakan juga pada tahun 2008, 2010 dan 2011.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
DARIPADA [INDERA MAHKOTA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar atas rungutan guru-guru di atas berbagai permasalahan berkaitan kerjaya mereka dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap permasalahan guru dan salah satu platform untuk mendengar dan mencari penyelesaian terbaik terhadap isu-isu yang timbul adalah melalui Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia Bersama Kesatuan/Persatuan Perkhidmatan Perguruan yang diadakan secara berkala.

Selain itu, dalam mengurangkan beban kerja pentadbiran guru, program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) - Pemantapan Profesion Guru (PPG): *Repositioning of Teachers' Core Duties* di negeri Melaka dan Kedah telah dilaksanakan. Dalam program ini, seramai 1,041 orang telah dilantik secara Pekerja Sambilan Harian merangkumi 860 Pembantu Guru dan 181 Juruteknik Komputer untuk membantu guru di sekolah. Program NBOS-PPG tersebut dilaksanakan bagi membantu Guru Data, Guru Perpustakaan dan Media, Guru Penyelaras Bestari dan Guru Akademik Biasa yang berkhidmat di sekolah.

Modus operandi yang digunakan untuk mengurangkan beban tugas pentadbiran guru di sekolah adalah dengan penjajaran jadual waktu mengajar guru, penyediaan tugas pembantu guru dan penempatan pembantu guru di sekolah. Bagi setiap enrolmen murid melebihi 150, satu (1) Pembantu Guru akan dilantik bagi membantu urusan Guru Data, Guru Perpustakaan Media & Guru Akademik Biasa.

Buat masa ini jawatan Pembantu Guru tersebut adalah bertaraf Pekerja Sambilan Harian. Walau bagaimanapun, peluasan program NBOS – PPG kepada negeri lain adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan. Setakat ini peluasan tidak dapat dilaksanakan akibat kekangan kewangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN
ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]**

SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional menafikan hak wakil-wakil rakyat, sama ada di peringkat Parlimen atau DUN, untuk menyertai mesyuarat-mesyuarat rasmi Kerajaan seperti Majlis-majlis Keselamatan, Jawatankuasa Bencana Banjir, Tindakan Daerah dan Negeri, Jawatankuasa Penyelesaian Tanah dan lain-lainnya agar dapat bersama menyelesaikan masalah rakyat yang seharusnya menjadi keutamaan semua wakil-wakil rakyat sama ada yang dalam pemerintahan ataupun pembangkang.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Keahlian mesyuarat rasmi Kerajaan ditentukan kepada peranan Ahli Mesyuarat yang dilantik di dalam Majlis/Jawatankuasa tanpa mengambil kira latar belakang wakil rakyat berkenaan. Kerajaan sentiasa bersikap terbuka dalam mendapatkan cadangan dan buah fikiran bagi menangani permasalahan rakyat dari semasa ke semasa dan Pengerusi Majlis/Jawatankuasa tersebut boleh melantik Ahli Tetap, pegawai serta individu untuk menganggotai Majlis/Jawatankuasa yang dipengerusikannya.

Sekian. Terima kasih.